

PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT

Hydrocortisone (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT
2. Bagaimana PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT berfungsi
3. Sebelum menggunakan PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT
4. Cara menggunakan PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT
5. Semasa menggunakan PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah Kegunaan PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT

Ia digunakan untuk melegakan keradangan keadaan kulit yang responsif terhadap kortikosteroid, termasuk kawasan dubur dan kelamin.

Bagaimana PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT Berfungsi
PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT mengandungi hydrocortisone yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil kortikosteroid topikal.

PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT berfungsi dengan mengurangkan keradangan pada kulit dan seterusnya dapat melegakan gejala kemerahan, bengkak dan kegatalan pada keadaan kulit yang tertentu.

Sebelum Menggunakan PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT jika anda ada:

- Alahan kepada hydrocortisone atau mana-mana bahan-bahan lain yang terkandung dalam ubat ini seperti yang disenaraikan pada akhir risalah ini.
- Luka-luka kulit yang disebabkan oleh jangkitan virus (contohnya *herpes simplex*, cacar air).
- Jangkitan kulit yang disebabkan oleh kulat (contohnya *candidiasis*, *tinea*) atau bakteria (contohnya *impetigo*)

Jika anda tidak pasti sama ada anda harus mula menggunakan ubat ini, bincang dahulu dengan doktor atau ahli farmasi anda.

-Sebelum mula menggunakan
Bagi bayi dan kanak-kanak, terapi topikal secara berterusan pada jangka panjang harus dielakkan jika boleh kerana, penekanan adrenal boleh berlaku.

Terapi antimikrobial yang sesuai harus digunakan setiap kali merawat keradangan luka yang telah dijangkiti.

Mana-mana jangkitan yang telah tersebar memerlukan pemberhentian terapi kortikosteroid topikal, dan penggunaan agen antimikrobial sistemik.

Seperti semua kortikosteroid, penggunaan pada jangka yang panjang adalah tidak digalakkan.

Kehamilan dan Penyusuan Bayi

Anda mesti beritahu doktor anda jika anda mengandung atau menyusukan bayi. Doktor atau ahli farmasi anda akan beritahu anda jika anda boleh menggunakan PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT semasa mengandung atau semasa anda sedang menyusukan bayi.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuk semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara Menggunakan PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT

Sentiasa menggunakan ubat ini sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label dengan teliti. Jika anda tidak pasti bagaimana ubat ini perlu diguna, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa banyak harus digunakan

Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihati anda berapa banyak yang perlu anda guna setiap hari dan untuk berapa lama anda perlu menggunakannya.

Sapu lapisan nipis di kawasan yang terlibat.

-Bila perlu digunakan

Sapu 2 - 3 kali sehari. Ikut arahan pada label ubat dengan teliti dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan yang diberi oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda lupa sapu ubat ini, gunakan sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk penggunaan seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk menggunakan pada masa biasa. Jangan sapu lebih untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja menggunakan terlalu banyak PHARMANIAGA HIDERM

PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT

Hydrocortisone (1% w/w)

OINTMENT, lap apa-apa salap yang berlebihan.

Bagi kes penggunaan secara berlebihan pada jangka masa yang panjang atau tersalah guna, ciri *hypercorticism* (peningkatan tahap hormon) boleh berlaku.

Semasa Menggunakan PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT

-Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat ini seperti yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Ubat ini adalah untuk kegunaan luaran sahaja.
- Beritahu doktor anda atau ahli farmasi apa ubat-ubatan dipreskripsikan dan tanpa preskripsi yang anda ambil.
- Cuci tangan anda sebelum dan selepas menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda. Jangan menggunakan ubat ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika doktor atau ahli farmasi memberitahu anda. Elakkan ubat ini daripada masuk ke dalam mata anda.

Jangan guna di kawasan bawah lampin bayi ataupun pembalut kedap udara untuk lebih daripada tujuh hari kecuali diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika kerengsaan berlaku, berhenti menggunakannya dan beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Beritahu doktor atau ahli farmasi

anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan yang dilaporkan termasuk rasa gatal, pedih, kekeringan dan jerawat. Perubahan kulit boleh berlaku pada kawasan kulit berlipat seperti kawasan lampin bagi kanak-kanak di mana keadaan yang lembap meningkatkan penyerapan PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT.

Kesan ini lebih cenderung berlaku pada bayi dan kanak-kanak.

Penyerapan sistemik telah menghasilkan manifestasi berbalik Sindrom *Cushing*, gula darah tinggi dan kehadiran gula di dalam air kencing.

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas boleh berlaku di sesetengah orang. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk menjawab apa-apa soalan yang anda mungkin ada.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan PHARMANIAGA HIDERM OINTMENT

-Penyimpanan

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang diterterakan pada pek bungkusan.

Simpan dibawah 30°C. Pastikan tiub ditutup rapat. Lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Salap lut cahaya putih, bebas daripada bendasing.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif :-

Setiap gram mengandungi Hydrocortisone base micronised 1% w/w.

-Bahan tidak aktif :-

White Soft Paraffin, Light Mineral Oil.

-Nombor MAL:-

MAL06030818AZ

Pengilang

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D), 11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D), 11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

21/08/2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)160817/00211